

**Penduduk Pakan, Julau Digesa Keluar Beramai-ramai Sambut Perdana Menteri
Bernama
26 Mei, 2012**

PAKAN, 26 Mei (Bernama) -- Penduduk di daerah Julau dan Pakan serta seluruh negeri ini digesa keluar beramai-ramai meraikan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke dua rumah panjang di sini pada 3 Jun sempena sambutan Pesta Gawai Dayak.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang berkata perdana menteri dijadual melawat Rh.George Chungut di Nanga Nansang di sini diikuti RH.Mathew Jana anak Saweng di Batu Matop.

Beliau berkata presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS) Tan Sri Dr James Jemut Masing dan beliau sendiri akan menjadi tuan rumah di Rh.Mathew Jana, dan ia akan turut dihadiri anggota parti dari semua enam kawasan Parlimennya.

"PRS menjadikan rumah panjang Rh.Mathew Jana sebagai rumah terbuka Gawai untuk tetamu kehormat kami kerana lokasinya yang strategik," katanya kepada pemberita di sini.

"Presiden Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) Tan Sri William Mawan pula akan menjadi tuan rumah di Rh.George yang juga merupakan rumah panjang beliau," katanya.

Ini akan menjadi rumah terbuka parti untuk perdana menteri dan rombongannya yang turut disertai Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668866>